

03 DEC 2002

Mahathir-Tentera (Bergambar)

ANGGOTA TENTERA LAKSANA IBADAT PENTING SEPANJANG RAMADAN, KATA PM

JITRA, 3 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata anggota tentera yang bertugas sepanjang Ramadan telah melaksanakan ibadat penting hingga membolehkan umat Islam lain dapat menunaikan ibadat.

Beliau berkata ketika umat Islam lain dapat menyempurnakan ibadat seperti solat Tarawih, anggota tentera terpaksa mengawasi keselamatan negara.

"Kita janganlah memandang seolah-olah mereka (anggota tentera) tidak beribadat kerana tugas mereka itu," katanya selepas majlis berbuka puasa di masjid Kampung Gelong Rambai dekat sini, malam ini.

Turut hadir ialah isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain dan kira-kira 200 penduduk tempatan.

Pada majlis itu, seramai 52 umat Islam yang dijemput khas daripada Jawatankuasa Islam Wilayah Songkhla, Thailand turut hadir.

Dr Mahathir berkata anggota tentera yang bertugas sebenarnya menjalankan ibadat yang mungkin lebih besar pahalanya daripada umat Islam yang menunaikan solah sunat Terawih.

"Mereka juga membuat ibadat iaitu menjaga keselamatan umat Islam. Malahan, tugas mereka itu lebih besar ibadatnya dari ibadat Terawih kita," katanya.

Perdana Menteri turut meminta umat Islam supaya sentiasa berterima kasih, bersyukur dan menghargai nikmat yang diberikan oleh kerajaan dan individu tertentu dalam memajukan negara.

Dr Mahathir kemudian menunaikan solat sunat Tarawih bersama-sama hadirin di masjid itu sebelum berlepas pulang ke ibu negara.

-- BERNAMA

MAN MZM NAK